

Agama bukan pencetus pertembungan tamadun

Konflik Barat, Islam angkara kuasa besar tindas negara lemah: PM

Daripada Azhar Abu Samah

NEW YORK: Konflik yang wujud di antara negara Islam dan Barat berpunca daripada tindakan paksaan berterusan oleh negara kuat ke atas yang lemah bagi tujuan strategik dan meluaskan wilayahnya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kini wujud kecenderungan untuk menyalahkan sejarah yang didakwa menjadi punca konflik berkenaan, sedangkan contoh persengketaan untuk mengawal dan menguasai yang ada hari ini ialah di Afghanistan, Lubnan, Bukit Golan dan Iraq.

"Tiada bukti dalam sejarah yang menunjukkan agama menjadi punca salah faham semasa di antara budaya dan tamadun," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-62, di sini, semalam.

Beliau berkata, dalam kes Iraq, tiada siapa boleh menafikan kebanyakan masalah yang timbul di kalangan penduduk negara itu sekarang ialah akibat daripada penjajahan oleh kuasa besar asing.

Abdullah berkata, masyarakat antarabangsa perlu memainkan tanggungjawab untuk membantu rakyat Iraq mencapai kestabilan dan keamanan bagi memastikan kekuatan bangsanya dipelihara dan maruahnyanya yang berdaulat tidak dikompromi.

"Rakyat Iraq perlu diberikan peluang seluas-luasnya untuk menentukan masa depan mereka. Untuk itu, Iraq memerlukan kerajaan yang kuat yang hanya boleh diperoleh menerusi proses perdamaian sesama rakyatnya," katanya.

Iraq perlu mencontohi pengalaman Malaysia berkongsi kuasa di kalangan kumpulan etnik berlainan agama jika mahu keluar daripada kemelut politik yang ada.

Katanya, kerajaan yang ada berjaya mengekalkan keamanan dan

kemakmuran kepada Malaysia sejak 50 tahun lalu mencapai kemerdekaan.

Menyentuh soal Palestin yang sudah menjangkau 60 tahun untuk diselesaikan, Abdullah berkata, isu ini menjadi masalah utama di kalangan negara Islam dengan Barat.

Sambil menyambut baik usaha baru untuk membawa Israel dan Palestin ke meja perundingan peringkat tinggi bersama-sama negara lain tidak lama lagi, beliau berkata, usaha sedemikian perlu seiring dengan kesediaan bersungguh-sungguh untuk berunding.

"Bagaimanapun, penyelesaian akhir mengenai isu Palestin mestilah dalam kerangka PBB," katanya sambil menambah kepemimpinan kedua-dua negara terbabit perlu bertindak berani bagi memenuhi keperluan dan jangkauan rakyat masing-masing yang sudah lama sengsara.

Abdullah berkata, keamanan sebenar hanya boleh dicapai jika hak rakyat dihormati dan dilindungi ketika perundingan dijalankan.


Katanya, orang Islam juga mempunyai tanggungjawab menunjukkan kepada dunia makna sebenar agama suci itu yang bencikan peperangan, terutama sesama Islam.

"Di Malaysia, walaupun penduduk Islam majoriti, kerajaan mengamalkan Islam progresif, iaitu Islam Hadhari sebagai asas untuk pentadbiran negara yang membawa manfaat kepada semua kaum dan agama," katanya.

Mengenai perubahan cuaca, beliau berkata, Laporan Panel Antara Kerajaan 2007 Mengenai Perubahan Iklim memperlihatkan bahawa perlu isu ini diatasi segera kerana kesannya agak menakutkan.

Beliau berkata, mana-mana inisiatif pada peringkat nasional dan serantau untuk mendepani perubahan iklim perlu mengelak daripada bersaing sesama sendiri, sebaliknya saling melengkapi.

Katanya, Malaysia akan memberi



SUARA MALAYSIA: Abdullah ketika berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-62, di New York, semalam.

“Tiada bukti dalam sejarah menunjukkan agama menjadi punca salah faham semasa antara budaya dan tamadun”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

sokongan penuh kepada mana-mana inisiatif ketika persidangan oleh pihak-pihak yang terbabit dalam Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim ke-13 di Bali, Indonesia, Disember ini.

"Kita perlu bersetuju untuk melancarkan proses perundingan selepas Perjanjian 2012," katanya merujuk kepada Protokol Kyoto akan tamat pada 2012, sambil menambah negara miskin tidak perlu dibebankan dengan tanggungjawab besar untuk mengatasinya, sebaliknya ia perlu dipikul oleh negara maju, terutama perindustrian.